

3 wira, 1 wirawati terima RM1.5 juta

Kuala Lumpur: Naza Corporation Holdings menyerahkan imbuhan keseluruhan bernilai RM1.5 juta kepada empat atlet negara yang mengharumkan nama Malaysia di Sukan Paralimpik Rio 2016.

Tiga pemenang pingat emas Paralimpik, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly masing-masing menerima seunit kediaman mewah Trion 888 di Equine Park berharga RM350,000 dan kenderaan Kia Sportage (RM121,888).

Berbeza untuk pemenang pingat gangsa acara lompat jauh wanita kategori T20, Siti Noor Radiah Ismail pula menerima kenderaan Kia K2 bernilai RM72,888.

Terbaik dalam sejarah

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, SM Nasaruddin SM Nasimuddin, berkata keempat-empat 'jutawan muda' itu layak diberi penghargaan dengan ganjaran sebegitu atas kejayaan luar biasa mereka.

"Ini adalah pencapaian terbaik dalam sejarah di Sukan Paralimpik. Saya berada Rio ketika lagu Negaraku berkumandang dan ia adalah saat yang sangat istimewa.

"Kami juga turut memberikan ganjaran kepada ketiga-tiga jurulatih Paralimpik negara, R Jaganathan, Mohd Faizol Harun dan Mohd Syahrul Amri Mohd Suhaimi atas kejayaan membimbing atlet sehingga menjadi juara," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Pemenang Pingat Sukan

Paralimpik Rio 2016 di Menara Naza di sini, semalam

Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri yang juga Penaung Majlis Paralimpik Malaysia, Tun Jeanne Abdullah serta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Dalam pada itu, Nasarudin yang juga Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), berharap atlet Paralimpik negara dapat meneruskan kejayaan sama di Sukan Paralimpik Tokyo empat tahun lagi.